



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

LAWATAN KERJA RASMI YAB TPM MERANGKAP MENTERI PETRA KE PARIS TEROKA PELUANG KERJASAMA ANTARA MALAYSIA DAN PARIS DALAM BIDANG PERALIHAN TENAGA

PUTRAJAYA, 10 Mei 2025 –YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan menyertai *Global Water Summit (GWS) 2025* anjuran *Global Water Intelligence (GWI)* serta mengadakan lawatan kerja rasmi ke Perancis bermula 10 hingga 14 Mei 2025 bagi meneroka peluang kerjasama antara Malaysia dan kedua-dua negara dalam bidang peralihan tenaga.

Global Water Summit merupakan platform untuk menyampaikan hala tuju strategik sektor air negara ke arah menjadikan sektor air sebagai pemangkin pembangunan mampan dan daya saing ekonomi negara dan seterusnya menjadikan sektor air sebagai hab ekonomi menjelang tahun 2040 selaras dengan visi Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040).

YAB Timbalan Perdana Menteri telah dijemput untuk menyampaikan ucap tama semasa sesi plenari pembukaan *Global Water Summit 2025* pada 13 Mei 2025 yang bertemakan *Delivering the Economics of Water*. Tajuk ucapan beliau adalah berkisarkan “*Transforming Mindsets, Transforming Approaches: Malaysia's Vision for Sustainable Water Management*”. Undangan kepada beliau untuk menyampaikan ucap tama di sesi Plenari Pembukaan persidangan ini adalah berdasarkan kepada pencapaian Malaysia yang telah berjaya menjadi negara contoh melaksanakan tadbir urus yang baik dalam pengurusan air iaitu usaha Malaysia ke arah penggunaan air pulih guna sebagai sumber alternatif

bagi kegunaan perindustrian dan peluasan perkhidmatan sanitasi kepada komuniti berpendapatan rendah.

Disamping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri juga akan mengadakan lawatan penanda aras ke loji janakuasa tenaga nuklear pada 12 Mei 2025 dengan kerjasama pihak *Electricite de France* (EDF). Lawatan ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan berkaitan keperluan tenaga nuklear sebagai opsyen campuran bahan api tenaga di Malaysia untuk memastikan sekuriti bekalan tenaga di negara ini.

Selain itu, perbincangan dan sesi perkongsian ilmu bersama enam (6) Kementerian dan Agensi utama di Perancis yang bertanggungjawab terhadap pembangunan teknologi dan tadbir urus nuklear Perancis juga akan diadakan pada 13 Mei 2025 melibatkan Kementerian Ekonomi dan Kewangan Perancis, *Electricite de France (EDF)*, *National Agency for Radioactive Waste Management (ANDRA)*, *French Authority for Nuclear Safety and Radiation Protection (ASNR)*, *International Institute of Nuclear Energy (I2EN)* serta *French Alternative Energies and Atomic Energy Commission (CEA)*.

YAB Timbalan Perdana Menteri juga bakal mengadakan kunjungan hormat ke atas TYT Marc Ferracci, Menteri Tenaga dan Industri Perancis untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang peralihan tenaga serta mengukuhkan hubungan dua hala kedua-dua negara. Potensi kerjasama dengan pihak Perancis meliputi aspek keselamatan dan keterjaminan bekalan tenaga, penggubalan dasar, kawal selia dan perundangan serta memahami cabaran dan kaedah penyelesaian terbaik.

Lawatan kerja rasmi ke Perancis ini merupakan antara langkah memperkasa Malaysia sebagai destinasi pelaburan dunia yang membuka peluang kerjasama erat antara kedua-dua negara dalam sektor tenaga. Inisiatif lawatan kerja ini juga mencerminkan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan prinsip kemampanan melalui tadbir urus yang baik meliputi usaha kerjasama strategik di peringkat antarabangsa dalam usaha memperkukuh daya saing negara di pentas global.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 10 MEI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

